



PELAN STRATEGIK HAL EHWAL AGAMA 2022 - 2026



TABUNG HAJI



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA



YADIM

YAYASAN BAHAMU ISLAMIAH MALAYSIA



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YAPEIM)



Yayasan Wangsa Malaysia

Ini adalah dokumen arkib. Sila rujuk dokumen terkini.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:07



I S I K A N D U N G A N

1. Perutusan YB Menteri di JPM (HEA)

2. Perutusan YB Timbalan Menteri di JPM (HEA)

3. Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM

4. Bab 1: Pendahuluan

Ringkasan Eksekutif
Pengenalan
Agensi di bawah YB Menteri di JPM (HEA)
Fungsi Agensi

5. Bab 2: Senario Persekitaran

Pihak-pihak Berkepentingan
Pelanggan
Isu dan Cabaran

6. Bab 3: Hala Tuju Strategik

Visi
Misi
Nilai Bersama

7. Bab 4: Strategi dan Formulasi Tindakan

Kluster 1
Kluster 2
Kluster 3
Kluster 4
Kluster 5

8. Bab 5: Implementasi ke arah Kejayaan

Mekanisme Pelaksanaan
Elemen Penentu Kejayaan
Penutup

Perutusan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur setulusnya disembahkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia nabi dan rasul, seterusnya kepada ahli keluarga baginda dan para sahabat sekaliannya.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kerana telah berjaya merangka dan menyiapkan Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026. Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 ini merupakan pelantar kepada gerak kerja strategik dalam tempoh lima tahun akan datang. Saya yakin, dengan semangat kerjasama dan tenaga yang digembleng bersama antara 14 agensi akan menjayakan program-program yang telah dirancang dengan lebih dinamik, responsif dan berkesan. Era yang mencabar ini, memerlukan kepada perancangan yang strategik untuk menangani isu dan masalah rakyat disamping meningkatkan keupayaan dalam penyampaian perkhidmatan.

Saya berharap agar semua 14 warga agensi hal ehwal agama dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan semua program yang telah dirancang. Ia sangat penting bagi memastikan impaknya akan dirasai oleh seluruh masyarakat Malaysia terutamanya kepada golongan yang memerlukan bantuan dari sudut sosioekonomi, sokongan spiritual dan kesejahteraan sosial masyarakat seterusnya menterjemahkan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sebagai peneraju pengurusan hal ehwal Islam dan kesejahteraan Ummah.

Sekali lagi saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku sekretariat dan penyelarasan utama, serta semua pihak yang telah memberi sumbangan langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pelan strategik ini.

Sekian, terima kasih.

Ini adalah dokumen arkib. Sila rujuk dokumen terkini.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:07

Perutusan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala puji hanya layak dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya jua, Dokumen Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022 – 2026 dapat disiap dan diterbitkan dengan jayanya.

Usaha ini dilakukan bagi memastikan aspek tadbir urus agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri memenuhi kehendak masyarakat selaras dengan tuntutan semasa. Atas hasrat dan keinginan inilah, satu pelan trategik yang bersifat komprehensif YB Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengarahkan supaya sebuah dokumen yang boleh menjadi hala tuju agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat disediakan.

Di peringkat persekutuan, Jabatan Perdana Menteri mempunyai 14 buah agensi yang mengurus dan menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam. Uniknya, agensi-agensi ini terdiri daripada pelbagai sektor iaitu kerajaan, badan berkanun, swasta dan perbadanan yang mempunyai pelbagai rencam dari sudut saiz, sumber, undang-undang dan peraturan tersendiri. Maka, dengan adanya sebuah dokumen perancangan strategik seumpama ini, ianya diharap akan menjadi sebuah panduan yang merentasi sektor dan boleh dikongsi bersama tanpa mengetepikan visi dan misi sedia ada di setiap agensi.

Usaha menghasilkan pelan strategik ini adalah merupakan cerminan azam dan komitmen Menteri dan saya selaku Timbalan Menteri yang bertanggungjawab bersama-sama barisan kepimpinan dan seluruh warga agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.



Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 ini dapat direalisasikan berkat kesatuan tenaga, semangat kerja sejiwa dan sumbangan idea daripada semua pihak.

Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 menggariskan lima kluster merangkumi aspek pembangunan modal insan, kesejahteraan sosial, sosioekonomi, dasar perundangan dan kehakiman, serta transformasi perkhidmatan yang akan memacu gerak kerja berpasukan Agensi agama di peringkat Persekutuan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Agensi agama menggalas tanggungjawab sebagai penyelarass pengurusan hal ehwal Islam yang amat signifikan di negara ini serta menjadi tempat rujukan umat Islam dan bukan Islam dalam dan luar negara. Tanggungjawab ini dilihat semakin mencabar memandangkan pelbagai isu kontemporari yang menuntut agensi agama untuk memiliki hala tuju serta perancangan masa hadapan yang strategik dan tuntas.

Justeru, Pelan Strategik ini merupakan dokumen dasar yang menjadi rujukan utama mengenai hala tuju, perancangan dan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan yang secara langsung dapat membantu merealisasikan gagasan atau wawasan nasional dan satu rangka masa yang panjang.

Pembangunan pelan strategik ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan, seterusnya mengangkat nama Malaysia sebagai negara yang dipacu berteraskan nilai-nilai murni dalam Islam.

Sekian, terima kasih.

PENDAHULUAN



Ringkasan Eksekutif

Pengenalan

**Profil dan Fungsi Agensi-agensi Agama
di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal
Agama)**

B

A

B

1

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 merupakan pelan strategik lima tahun di bawah 14 agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Pelan ini digubal selaras dengan visi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menjadi peneraju hal ehwal Islam dan kesejahteraan Ummah. Pembangunan pelan ini dirangka selari perubahan semasa dasar Kerajaan dan pendekatan baharu melibatkan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*-SDG's), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), Maqasid Syariah, Pelan Anti Rasuah Nasional serta lain-lain dasar yang berkaitan.

Pelan strategik ini mengandungi latar belakang agensi dan hala tuju strategik bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik 14 agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk tempoh lima tahun akan datang. Bagi merealisasikan visi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), sebanyak lima kluster strategik telah ditetapkan, iaitu:

1

Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Melalui Dakwah, Pendidikan dan Pembangunan Sahsiah Secara Inklusif bagi Memenuhi Keperluan Ummah Sejagat

2

Pemerkasaan Institusi Keluarga, Sosial dan Komuniti bagi Mewujudkan Biah Solehah ke Arah Melahirkan Khaira Ummah

3

Memperkasakan Ekosistem Sosioekonomi Islam Melalui Penjanaan dan Pengurusan Sumber yang Cekap dan Berkesan ke Arah Melestarikan Kesejahteraan Ummah

4

Memperkukuhkan Pengurusan Pentadbiran Keadilan Syariah ke Arah Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien

5

Merekayasa Transformasi Pentadbiran dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Melalui Penerapan Enam Nilai Bersama bagi Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Secara Menyeluruh

Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi memastikan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran lebih berkesan seterusnya mencapai outcome yang digariskan.

PENGENALAN

Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 ini merupakan pelantar kepada hala tuju agensi agama Hal Ehwal Islam. Ia diwujudkan bagi menetapkan rangka kerja strategik agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) Hal Ehwal Agama seiring dengan matlamat negara untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan terbaik kepada rakyat seterusnya menyantuni Keluarga Malaysia.

Kesejahteraan negara dan hidup rakyat sangat bergantung kepada kehidupan aman dan damai. Langkah membina negara maju dan sejahtera adalah intipati Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang bermatlamat untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat menjelang tahun 2030. Menuju Agenda 2030 juga memberi tumpuan kepada usaha untuk memulih dan merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara adil dan saksama serta mengamalkan kelestarian alam sekitar.

Selari dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang jelas termaktub di dalam perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, agensi hal ehwal Islam merupakan komponen yang teramat penting untuk menjaga agama Islam dan umat Islam. Dengan latar belakang dan fungsi setiap 14 agensi yang berbeza, diharap Pelan Strategik Hal Ehwal Agama 2022-2026 yang dibangunkan ini akan menjadikan agensi-agensi agama lebih efisien dan bergerak secara sinergi ke arah mencapai kepada satu visi utama iaitu JPM (HEA) berperanan sebagai pemimpin dan peneraju pengurusan hal ehwal Islam demi kesejahteraan ummah.



PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)



TABUNG HAJI
حي طواف الحج



TV ALHIJRAH



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

YADIM
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Blok A dan Blok B, Kompleks Islam Putrajaya, No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya No. Telefon : 03-8870 7000 No Faks : 03-8870 7003	VISI Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia
	MISI Memperkukuhkan Tadbir Urus Hal Ehwal Islam Melalui Pendekatan Rahmah ke Arah Kesejahteraan Ummah
	FUNGSI 1. Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak 2. Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam 3. Penyelarasan Pentadbiran Islam
	PERKHIDMATAN UTAMA 1. Bertanggungjawab sebagai perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan Hal Ehwal Islam di negara ini; 2. Merangka dasar bagi pembangunan Hal Ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam 3. Membantu menggubal dan menyeragam undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaras pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari semasa ke semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam; 4. Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara; 5. Menyelaras mekanisme penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran Hal Ehwal Islam di seluruh negara; 6. Membuat penilaian program-program Hal Ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini; 7. Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam; dan

Ini adalah dokumen arkib. Sila rujuk dokumen terkini.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:07



PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	8. Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.
 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur No. Telefon : 03-2274 9333 No Faks : 03-2273 1575	VISI Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam Secara Komprehensif ke Arah Kesejahteraan Ummah
	MISI Memperkasakan Pengurusan Hal Ehwal Islam Secara Efisien Dan Efektif Berteraskan Maqasid Syariah Untuk Kesejahteraan Ummah
	FUNGSI JAWI merupakan sebuah agensi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan pelaksana kepada dasar yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Manakala di peringkat persekutuan, JAWI berada di bawah tadbir urus Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
	PERKHIDMATAN UTAMA <u>Khidmat Pengurusan</u> Menyediakan khidmat sokongan kepada jabatan melalui sumber manusia, pentadbiran, pembangunan infrastruktur, teknologi maklumat dan hal ehwal perhubungan awam <u>Pengurusan Kekeluargaan Islam</u> Pengukuhan institusi kekeluargaan <u>Pengurusan Dakwah</u> Menjalankan operasi dakwah secara holistik bersama pemegang taruh

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	<u>Pengurusan Masjid</u> Menyelaras aktiviti berkaitan hal ehwal masjid, surau Jumaat, surau dan tanah perkuburan Islam <u>Penguatkuasaan</u> Menguatkuasakan undang-undang yang sedang berkuatkuasa serta menjalankan pencegahan bagi menegakkan amar makruf nahi mungkar <u>Pendidikan</u> Memantau dan memastikan pengurusan pendidikan Islam berjalan lancar dan memenuhi kehendak pelanggan <u>Penyelidikan</u> Melaksanakan kajian isu akidah dan syariah, membuat tapisan bahan penerbitan, melaksanakan aktiviti pengurusan halal dan pengurusan pelupusan al-Quran <u>Pembangunan</u> Menguruskan hal ehwal pembangunan dan penyelenggaraan premis di bawah seliaan JAWI <u>Masjid Wilayah Persekutuan</u> Diiktiraf sebagai masjid negeri dan menjalankan fungsi pengimarahannya masjid
--	---

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

 MAIWP MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) Aras G,1,7,8,9,10,11,19,20,22, Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur, No. Telefon : 03- 4047 9444 No Faks : 03- 4044 9444	VISI Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah
	MISI Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh
	FUNGSI <u>Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat</u> i. Menyelaras dan melaksanakan tugas dalam membuat kutipan zakat di Wilayah-Wilayah Persekutuan. ii. Melaksanakan agihan zakat kepada asnaf yang layak mengikut hukum syarak. iii. Menggubal kaedah-kaedah Baitulmal dalam melaksanakan agihan zakat. <u>Melaksanakan Kegiatan Pembangunan Harta-Harta MAIWP</u> i. Menubuhkan syarikat-syarikat yang berfungsi sebagai melaksanakan tugas-tugas MAIWP dan juga memenuhi tuntutan fardu kifayah yang memberi keuntungan kepada MAIWP. ii. Merancangan dan berusaha untuk menambahkan harta MAIWP melalui pemilikan hartanah dan pelaburan-pelaburan yang berlandaskan syariah. iii. Menyediakan garis panduan yang jelas dalam urusan penubuhan syarikat dan juga pembangunan hartanah di MAIWP. iv. Memajukan tanah-tanah MAIWP untuk kepentingan ummah. <u>Melaksanakan Pembangunan Modal Insan</u> i. Merancang dan melaksanakan tanggungjawab dalam menyediakan tempat tinggal kepada pelajar-pelajar yang kurang kemampuan untuk mendapatkan pendidikan. ii. Menyediakan dan melaksanakan institusi pendidikan kemahiran kepada kaum remaja selaras dengan keperluan semasa.

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	iii. Membangun dan menyediakan kemudahan pembelajaran asas kanak-kanak melalui penubuhan tadika-tadika Islam. iv. Bertanggungjawab dalam membela nasib wanita yang bermasalah dan juga keluarga yang tiada tempat tinggal. PERKHIDMATAN UTAMA 1. Pengurusan zakat 2. Pengurusan wakaf 3. Pembangunan modal insan 4. Pembangunan hartanah 5. Pelaburan 6. Terimaan sumber-sumber lain seperti fidyah, kaffarah, luqatah, wang tidak patuh Syariah dan pusaka yang terhak kepada MAIWP.
 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya No. Telefon : 03-88709200 No Faks : 03-88709500	VISI Peneraju Institusi Kehakiman dan Perundangan Syariah Dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara MISI Memperkasakan Sistem Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah Melalui Pengukuhan dan Penyeragaman Institusi Mahkamah Syariah FUNGSI DAN PERANAN 1. Mengendali kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia; 2. Membina dan menyelaras prosedur kehakiman untuk diterima pakai di Mahkamah Syariah dan agensi-agensi yang berkaitan melalui penetapan dasar, kaedah-kaedah, Arahan Amalan serta Peraturan-peraturan; 3. Menyelaraskan dan memantau penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah untuk mempertingkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah;

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	4. Mengurus pembangunan kompetensi dan keperluan modal insan di JKSM, Mahkamah Syariah dan agensi- agensi berkaitan; 5. Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan Mahkamah Syariah melalui pendigitalan dan mempertingkatkan tadbir urus ICT di JKSM dan Mahkamah Syariah; 6. Memantau dan menilai program serta aktiviti berkaitan Perundangan Syariah di Mahkamah Syariah dan agensi-agensi yang menerima pegawai dari skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan; dan 7. Menyedia ulasan dan khidmat nasihat berkaitan isu-isu perundangan Syariah kepada agensi Kerajaan dan triti-triti antarabangsa.
	PERKHIDMATAN UTAMA 1. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri; 2. Menyelesaikan kes Mahkamah Rayuan Syariah dalam tempoh enam (6) bulan selepas didaftarkan di JKSM bagi negeri yang menggunakan perkhidmatan Hakim Rayuan JKSM; dan 3. Menyelaras pemakaian arahan amalan kepada pegawai syariah di JKSM, negeri dan agensi lain yang berkaitan.
 JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)	VISI Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah bertaraf dunia MISI Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah melalui tadbir urus serta sistem penyampaian perkhidmatan terbaik

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Aras 8-9, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya (KIP), Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya. No. Telefon : +603-8883 7400 No Faks : +603-8883 7406	FUNGSI 1. Merancang, melaksana, memantau dan menyelaraskan pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosioekonomi ummah; 2. Merancang dan menyelaraskan keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah; 3. Menjalinkan kerjasama pintar dengan agensi-agensi Kerajaan serta GLC/ pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah; 4. Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan 5. Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan. PERKHIDMATAN UTAMA Menyelia, memantau dan menyelaraskan wakaf, zakat, haji dan umrah.
 YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM) Aras 3 & 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No.3, Jalan Tun Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya	VISI Peneraju gerakan dakwah di Malaysia secara inklusif dan bertindak sebagai sebuah badan dakwah bertaraf antarabangsa MISI Menyebarluaskan kegiatan dakwah menerusi kebajikan, pendidikan dan sosial untuk meninggikan martabat Islam dan kesejahteraan ummah FUNGSI TERAS 1. Melahirkan Pendakwah yang berpengetahuan dan berkemahiran berasaskan kepada model Malaysia.

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

No. Telefon : +603-88703870 No Faks : +603-88703871	2. Menyelaraskan kegiatan NGO Islam dan rakan strategik dalam memasyarakatkan dakwah. 3. Menggalakkan masyarakat berlumba-lumba membuat kebaikan dengan memberi kefahaman, pengamalan dan penghayatan Islam melalui kegiatan dakwah dalam aspek pendidikan, sosial dan kebajikan. PERKHIDMATAN UTAMA 1. Pengurusan 2. Kewangan 3. Latihan dan Pengkaderan 4. Pembangunan Ummah dan Wanita 5. Penyelidikan, Penerbitan dan Antarabangsa
يَا بَا لَدُنْ شَيْبَاغُونِ الْاِكْوُومِجْ اَلْاِسْلَامِ مَلِيْسِيَا YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM) YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM) No. 46E-1, Mentari Business Park, Jalan PJS 8/2 Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor No. Telefon : 03-5614 9600 No Faks : 03-5614 9601	VISI Institusi unggul menerajui pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan berkesan bagi kesejahteraan ummah. MISI Komited dalam usaha memperkasa ekonomi ummah dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, efisien dan berintegriti. PERKHIDMATAN UTAMA 1. Sosial Bisnes 2. Bisnes 3. Pembangunan sosioekonomi dan amal jariah

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

 YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM) Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya No. Telefon : 03-8871 0800 / 200 No Faks : 03-8861 0803	VISI
	Menjadi Peneraju dalam pembangunan wakaf di Malaysia
	MISI 1. Menggunakan mekanisme wakaf selari dengan Maqasid Syariah yang keberhasilannya memberi manfaat untuk Ummah sejagat; 2. Menjadi pengasas (<i>trend-setter</i>) dalam pembangunan wakaf yang akan menjadi rujukan seluruh dunia; dan 3. Memaksimumkan pembangunan hartanah wakaf sedia ada dan meminimalkan hartanah wakaf yang tidak dibangunkan
	FUNGSI <u>Mengumpul Dana Wakaf</u> Melaksanakan program-program bagi mengisi dana Kumpulan Wang Amanah Yayasan untuk dijadikan modal ekonomi umat Islam <u>Membangun dan Memajukan Harta Wakaf</u> Bekerjasama dengan pihak yang terlibat seperti MAIN, IPTA dan IPTS untuk memaju dan membangunkan harta wakaf serta membuat kajian dan penyelidikan produk baru wakaf <u>Melaksanakan Program Kebajikan Dan Sosial</u> Merangka aktiviti yang berfaedah kepada umat Islam demi kebaikan hidup di dunia dan akhirat seperti biasiswa, bantuan kepada fakir miskin dan melaksanakan amanah pewakaf sebaik mungkin. <u>Menjalankan Program Pelaburan</u> Membuat pelaburan ke atas dana Yayasan dan Wakaf Tunai Malaysia dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan syarak sehingga pengagihan dilaksanakan.

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	<u>Mengadakan Program Promosi Dan Penerbitan</u> 1. Mempromosi dan menganjurkan pelbagai persidangan, seminar dan sebagainya; dan 2. Menerbit pelbagai risalah bagi mengembang dan memajukan objektif penubuhan Yayasan PERKHIDMATAN UTAMA Wakaf Tunai Malaysia
 TV ALHIJRAH ALHIJRAH MEDIA CORPORATION (TV ALHIJRAH) Pusat Penyiaran Digital TV AlHijrah, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur. No. Telefon : +603-2028 1500 No Faks : +603-2260 1566	VISI Meneraju Penyampaian Nilai Islam MISI Menerapkan Kefahaman & Menyatupadukan Ummah FUNGSI Medium dakwah dan kefahaman Islam masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia umumnya. PERKHIDMATAN UTAMA 1. Penyiaran televisyen 2. Penyedia dan pembekal kandungan 3. Media baharu / <i>Video On Demand</i> (VOD)

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

 INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) No 12, Langgak Tunku, off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur No. Telefon : 03-6204 6200 No Faks : 03 – 6201 1951	VISI Untuk Menjadi Institusi Utama Kefahaman Islam Bertaraf Antarabangsa
	MISI 1. Menjalankan penyelidikan yang bermanfaat besar dalam disiplin ilmu terpilih dengan menggunakan pelbagai kepakaran, sumber serta jaringan kerjasama bagi menghasilkan produk ilmiah melalui gerak kerja sistematik; 2. Memelihara, meningkat dan menyebarkan kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat melalui penganjuran program, penyiaran dan penerbitan pelbagai hasil ilmiah dengan memanfaatkan kepakaran, pengurusan sumber yang berkesan dan rangkaian kerjasama strategik; dan 3. Memberi khidmat nasihat dan perundingan yang bermutu dan berkesan kepada pemegang taruh melalui penggemblengan kepakaran, sistem, rangkaian kerjasama dan sumber secara optimum.
	FUNGSI 1. Menjalankan penyelidikan yang melibatkan kajian menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam bagi menghadapi cabaran semasa yang timbul akibat daripada keadaan dunia yang kian berubah. 2. Menghasilkan bahan penerbitan, termasuk buku, majalah dan jurnal untuk bacaan umum dan golongan sasaran. 3. Menganjurkan persidangan, seminar dan forum, perbincangan dalam mempelbagaikan percambahan fikiran bagi mencari penyelesaian perkara-perkara tertentu. 4. Bekerjasama dengan pertubuhan tempatan dan luar negara dalam menjalankan program-program bagi manfaat bersama.
	PERKHIDMATAN UTAMA Menjalankan, penyelidikan, perundingan, penyiaran dan penerbitan tentang peranan Islam dan umat Islam bagi menghadapi cabaran semasa

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

 TABUNG HAJI حي علم الفلاح LEMBAGA TABUNG HAJI (TABUNG HAJI, TH) Menara TH Tun Razak, Lembaga Tabung Haji, 201, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. No. Telefon +603-6207 1919	VISI Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang MISI 1. Memperkasa Ekonomi Ummah 2. Sentiasa Giat Mencari Pelaburan Strategik Global dan Lokal bagi Pertumbuhan Berterusan 3. Menggembleng dan Memperkaya Modal Pendeposit 4. Memberi Perkhidmatan Cemerlang yang Berterusan 5. Memudah dan Menyempurnakan Urusan Jemaah ke Arah Haji Mabrur 6. Memberi Pulangan yang Kompetitif, Halal dan Toyyiban FUNGSI Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan sebuah institusi Islam yang sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan secara komprehensif dan sistematik demi kebajikan jemaah haji Malaysia. PERKHIDMATAN UTAMA Pengurusan Haji, Tabungan dan Pelaburan
 MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP) Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, No. 71,	VISI Menjadi mahkamah syariah yang berwibawa dan adil berteraskan perundangan Islam MISI Melaksanakan pengurusan kehakiman dan perundangan syariah bagi memberi keadilan kepada orang Islam di Wilayah Persekutuan melalui penyampaian perkhidmatan yang berintegriti, sistematik dan holistik FUNGSI 1. Pengurusan kes mal; 2. Pengurusan kes jenayah; 3. Pengurusan kehakiman kes;

Ini adalah dokumen arkib. Sila rujuk dokumen terkini.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:07

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Jalan Sri Hartamas 1, Taman Sri Hartamas, 50676 Kuala Lumpur No. Telefon : 03-62057000 No Faks : 03-62057100	4. Pengurusan faraid; 5. Pengurusan rayuan; dan 6. Pengurusan semakan kes.
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN (PMWP) Jabatan Perdana Menteri, Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No.3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya. No. Telefon: 03-8870 9000 No Faks : 03-8870 9101/ 9102	VISI Peneraju dalam pengurusan fatwa bertaraf dunia yang efisien profesional dan diyakini dalam aspek Akidah, Syariah dan Tasawuf menjelang tahun 2025.
	MISI Memperkasakan pemahaman dan penghayatan Islam berlandaskan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qias ke arah melahirkan ummah yang wasatiy secara tuntas dan progresif.
	FUNGSI 1. Membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan hukum syarak. 2. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak. 3. Mengeluarkan tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan. 4. Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan Akidah, Syariah dan Akhlak. 5. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa. 6. Memberi panduan dan perkhidmatan dalam hal ehwal falak merangkumi penetapan arah kiblat, takwim, waktu solat dan cerapan. 7. Membangun, mengurus dan memajukan sistem penyampaian maklumat berkaitan hukum syarak secara berkesan kepada masyarakat.

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

	PERKHIDMATAN UTAMA 1. Kefatwaan 2. Keilmuan 3. Kemasyarakatan
 JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (JAPENSWP) Aras 4, Blok Podium, Menara Usahawan, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62652 Putrajaya No. Telefon : 03-8880 5087/5088/5182 No Faks : 03-8880 5119	VISI Menjadi agensi pendakwaan Syariah di Wilayah Persekutuan yang berintegriti dan berakauntabiliti
	MISI Melaksanakan pendakwaan Syariah yang bebas, berkualiti, berintegriti dan selaras dengan hukum syarak dan juga peruntukan undang-undang Syariah
	FUNGSI 1. Menjalankan proses pendakwaan yang telus, bebas dan berintegriti ke atas pelaku-pelaku kesalahan jenayah Syariah di mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan berdasarkan bidang kuasa dan peruntukan undang-undang Syariah di bawah akta yang diguna pakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan. 2. Menjalankan aktiviti penyelidikan pembangunan kompetensi Pendakwa Syarie. PERKHIDMATAN UTAMA Pendakwaan / Penedgalan kes jenayah Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan

Rujukan: Profil & Perkhidmatan Agensi-agensi Agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

SENARIO PERSEKITARAN



Pihak Berkepentingan

Pelanggan

Isu Strategik

B

A

B

2

PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

- a) Yang di-Pertuan Agong
- b) Majlis Raja-raja
- c) Perdana Menteri
- d) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- e) Ketua Setiausaha Negara


14 AGENSI-AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

- a) Kementerian dan Jabatan Persekutuan
- b) Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri
- c) Majlis dan Agama Islam Negeri
- d) Jabatan Mufti Negeri
- e) Badan Berkanun
- f) Sektor Swasta
- g) Syarikat Berkaitan Kerajaan
- h) Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
- i) Pertubuhan Bukan Kerajaan
- j) Agensi Islam Peringkat Antarabangsa
- k) Masyarakat Tempatan, Serantau dan Antarabangsa

PELANGGAN

ISU STRATEGIK

10 isu-isu strategik telah dikenal pasti dengan menggunakan pendekatan gabungan PESTEL dan SWOT.



Justeru, melalui analisis persekitaran ini, maka agensi agama Hal Ehwal Islam mengetengahkan solusi bagi mengatasi isu-isu strategik tersebut dengan menggunakan pendekatan 7s McKinsey melalui lima kluster strategik seperti yang berikut:

**7S
McKinsey**

**Shared
Values**

Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Melalui Dakwah, Pendidikan dan Pembangunan Sahsiah Secara Inklusif bagi Memenuhi Keperluan Ummah Sejagat

Structure

Pemerkasaan Institusi Keluarga, Sosial dan Komuniti bagi Mewujudkan Biah Solehah ke Arah Melahirkan Khaira Ummah

System

Memperkasakan Ekosistem Sosioekonomi Islam Melalui Penjanaan dan Pengurusan Sumber yang Cepak dan Berkesan ke Arah Melestarikan Kesejahteraan Ummah

Style

Memperkukuhkan Pengurusan Pentadbiran Keadilan Syariah ke Arah Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien

Staff

Skills

Merekayasa Transformasi Pentadbiran dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Melalui Penerapan Enam (6) Nilai Bersama bagi Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Secara Menyeluruh

Strategy

HALA TUJU STRATEGIK



B
A
B
3

Ini adalah dokumen arkib. Sila rujuk dokumen terkini.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:07



STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

RINGKASAN PELAN STRATEGIK HAL EHWAL AGAMA 2022-2026

15 HASIL **33** STRATEGI **124** PROGRAM

KLUSTER	01 PEMBANGUNAN MODAL INSAN	02 KESEJAHTERAAN SOSIAL	03 SOSIOEKONOMI	04 DASAR DAN PERUNDANGAN	05 TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
HASIL	2	1	5	2	5	15
STRATEGI	5	5	12	4	7	33
PROGRAM	39	18	33	14	20	124

KLUSTER 1:

PEMBANGUNAN MODAL INSAN



KETUA KLUSTER : JAKIM
AGANSI PELAKSANA : JAKIM, IKIM, TV ALHIJRAH, YAPEIM, YADIM, MAIWP, JAWI, PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN (PMWP)
TERAS STRATEGIK : MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI DAKWAH, PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH SECARA INKLUSIF BAGI MEMENUHI KEPERLUAN UMMAH SEJAGAT

HASIL	STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
1. Peningkatan <u>Professionalisme</u> Murabbi Ummah (Berkualiti , Berintegriti , Berakhlak Mulia , Bertauliah)	<u>STRATEGI 1 :</u> Pelaksanaan Latihan Dan Bimbingan Yang Berterusan	Pemantapan Professionalisme Murabbi	Bilangan Murabbi – 25 000 Orang (pra & pasca):	5000 Murabbi Setahun	2022-2026	- JAKIM (BHG DAKWAH , ILIM, JAKIM SABAH & JAKIM SARAWAK) - IKIM - TV ALHIJRAH - YAPEIM - YADIM - MAIWP - JAWI - PMWP
		1. Kursus / Seminar / Tafaqquh Fiddin / Multaqa	Bilangan Guru Takmir , Imam , PPMD, Bilal , Jawatankuasa: Pengerusi dan AJK Masjid, PHEI	1000 orang Guru Takmir , Imam , PPMD, Bilal , Jawatankuasa Masjid (setahun)	2022-2026	- JAKIM (BAHAGIAN DAKWAH) - JAWI - ILIM
		2. Kursus Pendakwah dalam Kalangan Orang Asli	Bilangan Pendakwah Orang Asli	15 orang Pendakwah Orang Asli (setahun)	2022-2026	- JAKIM (BAHAGIAN DAKWAH) - YADIM

HASIL	STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
		3. Kursus Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA)	Bilangan PMOA	50 orang PMOA (Setahun)	2022-2026	JAKIM (BAHAGIAN DAKWAH)
		4. Kursus Imam, Bilal Orang Asli	Bilangan Imam, Bilal Orang Asli	60 orang Imam, Bilal Orang Asli (setahun)	2022-2026	- JAKIM (BAHAGIAN DAKWAH) - YADIM
		5. Pembangunan Kapasiti dan Kemahiran – Latihan Jurulatih (Training of Trainers)- Pegawai	Bilangan Kursus: PMOA , Guru Takmir, Imam , Bilal , Daie (Sabah Sarawak, Orang Asli, Komuniti)	15 kursus	2022-2026	- JAKIM - YADIM
		6. Program Pemantapan Pendidikan Islam Dewasa	Bilangan Program dan Sebaran setahun	12 Siri Setahun	2022-2026	- JAKIM SABAH - JAKIM SARAWAK - YADIM - IKIM
		7. Program Kader Dakwah	Bilangan Daie: Daie Sabah , Daie Sarawak, Daie Komuniti (PPR), Daie Muda	Kader Dakwah 1000 Bilangan Daie	2022-2026	YADIM

HASIL	STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
